

Asia Tenggara boleh saingi China — Dr. M

UM 7 OCT 2002

PUTRAJAYA 6 Okt. - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Asia Tenggara boleh menyaingi kehebatan China sekiranya negara anggota berusaha bersungguh-sungguh memajukan ekonomi mereka.

Perdana Menteri berkata, walaupun Asia Tenggara pada masa sekarang tidak begitu kaya tetapi mereka menyamai separuh daripada jumlah penduduk dunia.

"Kita sekarang ini kira-kira 500 juta penduduk dan jika kita berusaha bersungguh-sungguh kita boleh jadi satu pasaran hebat.

"Kita boleh menghasilkan banyak barangan untuk kita sendiri dan juga seluruh dunia dan boleh menyaingi China," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab di Majlis Makan Malam Sempena Sidang Kemuncak Asia Timur 2002 di Hotel Marriot, di sini malam ini.

Dr. Mahathir berkata, negara-negara Asia Timur mungkin bekerjasama pada masa hadapan dalam ben-

tuk kesatuan kewangan tanpa menghapuskan mata wang masing-masing tetapi menyelaraskan negara individu ke arah mata wang bersama.

"Ia mungkin tetapi semua perkara ini akan mengambil masa kerana kita harus menyelesaikan pelbagai masalah terutamanya antara jiran di Asia.

"Bagaimanapun adalah penting untuk kita mencuba memandangkan kita pada masa ini sudah mula bercakap antara satu sama lain," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia pernah mencadangkan supaya ditubuhkan Kerjasama Ekonomi Asia Timur (EAEC) malangnya idea itu ditolak dan negara-negara serantau diberitahu oleh kuasa luar supaya tidak bercakap antara satu sama lain.

"Bagaimanapun sekarang kita mempunyai ASEAN + 3 yang mana sama juga dengan EAEC cuma namanya sahaja yang berbeza.

"Kita akan terus berusaha ke arah itu walaupun

mungkin ada sedikit perbezaan politik, tetapi ia bukanlah satu isu," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, perkenalan dinar emas akan membolehkan negara-negara di dunia kembali ke arah piawaian emas yang pernah digunakan satu masa dahulu" katanya.

Beliau berkata, penggunaan mata wang dinar emas akan memastikan mata wang sesebuah negara tidak hilang begitu sahaja berbanding mata wang kertas yang boleh hilang sama sekali.

"Saya ada sehelai wang kertas yang diterbitkan oleh Kerajaan Yugoslavia yang bernilai 12 sen tetapi pada masa sekarang ia langsung tidak berharga.

"Emas akan turun naik dari segi nilai tetapi kertas akan hilang langsung. Oleh itu jika kita memiliki mata wang dalam bentuk emas kita pasti adalah mustahil untuknya susut nilai sehingga tidak berharga sama sekali," katanya.